

## PENDEKATAN I'TAB DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM

**Wan Mohd Taufik Wan Ahmad<sup>1</sup> & Harun Baharudin<sup>\*2</sup>**

*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia<sup>1</sup>*

*Pusat Kajian Kepelbagaian Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia<sup>2</sup>*

*afikhalfah@gmail.com<sup>1</sup> & harunbaharudin@ukm.edu.my<sup>\*2</sup>*

### ABSTRACT

*Giving reprimands is one of the approaches to creating an effective communication environment against disciplinary, moral and moral offences. In addition to i'tab (rebuke) against the prophets and Prophet Muhammad, there is also an approach of i'tab in the verses of the Qur'an against the companions of the Prophet. This study aims to explore the i'tab approach among Islamic Education teachers (GPI) based on the example of i'tab al-Quran to the Prophet's companions in teaching and learning practices. This study used a case study design involving two teachers in the field of Islamic Education who are on duty as dormitory wardens and six students from various backgrounds as study participants. Data was collected through in-depth interviews. The results of the study found that GPI's i'tab approach is in line with what is recommended by the Qur'an, but they do not know the specific name of the i'tab al-Quran for the companions of the Prophet SAW. The findings of this study can also enhance the i'tab strategy used by Islamic Education teachers to regulate student behaviour, morality, and values based on Quranic education techniques for teachers.*

*Keywords: I'tab approach, value, morality, Islamic Education Teacher, Companion of the prophet.*

### ABSTRAK

*Memberi teguran merupakan salah satu pendekatan untuk mewujudkan persekitaran komunikasi yang berkesan terhadap kesalahan disiplin, nilai dan akhlak. Selain daripada i'tab (teguran) terhadap para nabi dan nabi Muhammad, terdapat juga pendekatan i'tab dalam ayat-ayat al-Quran terhadap sahabat-sahabat Nabi. Kajian ini bertujuan meneroka pendekatan i'tab dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI) berdasarkan contoh i'tab al-Quran terhadap sahabat nabi dalam amalan pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes yang melibatkan dua orang guru dalam bidang Pendidikan Islam yang bertugas sebagai warden asrama dan enam orang pelajar yang pelbagai latar belakang sahshiah sebagai peserta kajian. Data dikumpul melalui cara temu bual mendalam. Hasil kajian mendapati pendekatan i'tab GPI selari seperti yang dianjurkan al-Quran namun mereka tidak mengetahui nama spesifik i'tab al-Quran terhadap sahabat nabi s.a.w. Kajian ini mengisi kelompangan dalam aspek menambah kefahaman i'tab menurut Islam berdasarkan i'tab al-Quran terhadap sahabat nabi. Hasil kajian ini juga dapat menambah baik pendekatan i'tab Guru Pendidikan Islam dalam pengurusan disiplin, nilai dan akhlak pelajar berdasarkan kaedah didikan qurani kepada para pendidik.*

*Kata kunci: Pendekatan I'tab, nilai, akhlak, Guru Pendidikan Islam, Sahabat nabi.*

### PENGENALAN

Dalam mendepani beberapa masalah tingkah laku, akhlak, dan disiplin pelajar, guru lazimnya akan mengambil pendekatan komunikasi. Pogue dan Kimo (2006) mendapati pengajaran yang berkesan adalah hasil daripada hubungan komunikasi antara guru dengan pelajar dan kredibiliti seseorang guru. Hasil kajian Teven (2007) turut mendapati bahawa tingkah laku yang bersesuaian serta

komunikasi yang mengambil berat terhadap pelajar, turut menyumbang kepada kepercayaan terhadap guru serta keputusan yang baik dalam mata pelajaran tersebut. Antara pendekatan dalam mengawal tingkah laku, akhlak dan disiplin adalah dengan menggunakan ketegasan dalam menegur dan memperbaiki keadaan serta-merta. Tugas guru bukan sekadar mengajar tetapi juga mendidik untuk membentuk dan memupuk sikap, nilai, dan akhlak yang baik dalam diri setiap murid (Noorazma Hamzah et al 2018). Pihak pengurusan sekolah perlu bijak dalam mengatur strategi untuk mencari formula terbaik dalam menangani masalah disiplin dalam kalangan murid.

Dalam menangani kesalahan tingkah laku, disiplin dan akhlak pendekatan menegur dengan tegas merupakan pendekatan yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran. Pendekatan *i'tab* ini meliputi teguran kepada para Nabi, Baginda Nabi Muhammad s.a.w dan juga para sahabat. Pendekatan *i'tab* menurut perspektif nilai Islam boleh disesuaikan dengan menjadikan sebagai nilai tambah dalam pengurusan sahsiah pelajar. Nilai Islam yang cuba ingin diketengahkan dalam kajian ini adalah dengan mengambil contoh *i'tab* al-Quran terhadap sahabat Nabi. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka sejauh mana amalan *i'tab* tersebut diaplikasikan dalam kalangan GPI.

Kajian ini dijalankan melibatkan responden daripada GPI merangkap warden di dua buah sekolah dalam daerah Johor Bahru serta enam orang pelajar yang berbeza tahap sahsiah yang terdiri daripada baik, sederhana dan kurang baik (nakal). Kajian ini penting kerana pendekatan *i'tab* berdasarkan perspektif Islam perlu dilihat sebagai panduan dan sekaligus boleh menyeimbangkan amalan *i'tab* dalam kalangan guru-guru. Panduan ini juga penting kepada guru-guru terutama GPI agar mampu mengawal tindakan luar kawalan semasa mengendalikan disiplin pelajar.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Istilah *i'tab* ini bukan satu istilah yang asing bagi mufassirin dan pencinta ilmu al-Quran yang merujuk kepada uslub menegur. Istilah *i'tab* secara bahasa diambil daripada kata dasar iaitu *'ataba* yang bermaksud mencegah, mencela, menyalahkan atau teguran (Munawwir 2002 dan Louwis Ma'luf 2002). Namun berdasarkan konteks ayat-ayat al-Quran, ayat-ayat yang mengandungi *i'tab* adalah bermaksud teguran terhadap kekeliruan ijthid terhadap urusan keduniaan yang bersifat harus (M. Shawkani, 1997). Pemahaman ayat-ayat *i'tab* dalam al-Quran dapat dilakukan melalui riwayat-riwayat dalam tafsir al-Quran yang menjelaskan sebab-sebab penurunan (asbab al-nuzul). Kebanyakan ulama' menfokuskan *i'tab* dalam al-Quran yang berkaitan dengan baginda Nabi s.a.w (Sriwahyuni 2017). Muhammad Tajuddin (2022) turut membahaskan teguran atau *i'tab* daripada Allah s.w.t kepada Nabi s.a.w. Perkara ini bagi memastikan tidak menimbulkan salah faham dalam kalangan umat Islam bagi memahami konteks ayat tersebut dan berlaku kecenderungan untuk memperkecilkan baginda Nabi s.a.w.

Selain itu, Tsalitsa Noor Kamila (2019) juga mengatakan bahawa terdapat ayat-ayat al-Quran yang turut mengandungi unsur *i'tab* (teguran) terhadap tindakan para nabi yang tersilap dalam berijtihad. Namun begitu unsur *i'tab* bukan untuk memalukan para nabi bahkan ditafsirkan sebagai satu bentuk kasih sayang Allah s.w.t terhadap mereka untuk dijadikan uswah hasanah buat umatnya. Namun *i'tab* daripada perspektif Islam yang ingin diketengahkan dalam kajian ini adalah *i'tab* al-Quran terhadap sahabat Nabi s.a.w. Berdasarkan riwayat Imam al-Bukhari (1311) daripada Ibn Masu'd sabda nabi s.a.w "*sebaik-baik umatku adalah pada kurunku, kemudian yang berikutnya dan kemudian yang berikutnya*". Berdasarkan hadis tersebut, fasa para sahabat merupakan generasi yang terbaik selepas fasa nabi Muhammad untuk dijadikan contoh tauladan.

Para sahabat juga mendapat perhatian al-Quran apabila terdapat beberapa ayat yang mengandungi *i'tab* terhadap sahabat nabi yang harus diambil pelajaran daripadanya.

### **Bentuk-Bentuk *I'tab* Al-Quran Terhadap Sahabat Nabi**

#### ***I'tab Untuk Memberikan Pendidikan dan Menjelaskan Kesalahan***

Al-Quran menggambarkan bahawa para sahabat Nabi s.a.w yang sering berdamping dengan baginda tidak terlepas daripada mendapat sentuhan *i'tab* daripada al-Quran. Al-Quran menggambarkan bahawa sahabat-sahabat Nabi juga diberikan teguran sebagai bentuk *i'tab* bagi menjelaskan kesilapan yang berlaku. Sebagai contoh ayat ke 2 dalam Surah al-Hujurat, 49:2 mendatangkan pelajaran berkenaan dua orang sahabat Nabi yang hebat iaitu Saidina Abu Bakar as-Siddiq dan Saidina Umar al-Khatab. Berpandukan tafsir Abdullah Basmeih (2022) mafhum ayat tersebut adalah "*Wahai orang yang beriman janganlah kamu meninggikan suaramu melebihi suara Nabi dan janganlah kamu menyaringkan suara (dengan lantang) semasa bercakap dengannya sebagaimana sebahagian kamu menyaringkan suara semasa bercakap dengan sebahagian yang lain! (Larangan tersebut) adalah supaya amalan kamu tidak terhapus pahala tanpa kamu menyedarinya*".

Menurut Tafsir Imam Ibn-Kathir (1999) menyatakan bahawa ayat tersebut adalah seruan umum kepada umat Islam dan khusus kepada kedua orang sahabat tersebut supaya tidak mendahului Allah dan rasulnya sama ada dalam aspek percakapan, perbuatan, memberikan hukum dan menjatuhkan hukuman. Selain itu, ayat tersebut adalah arahan Allah agar sentiasa beradab di hadapan baginda Nabi s.a.w sama ada dari sudut tindakan lebih-lebih lagi percakapan kerana ia menunjukkan satu penghormatan buat baginda.

#### ***I'tab Untuk Memberikan Dorongan dan Sokongan***

Al-Quran juga membimbing umat Islam agar sentiasa memberi dorongan dan galakan kepada perkara yang mendatangkan manfaat di dunia dan akhirat. Perkara ini jelas dalam Surah az-Zumar (39:9) yang memberikan *i'tab* kepada kaum musyrikin dengan memberi perbandingan antara tindakan mereka dan amalan ibadah yang dilakukan oleh Saidina Usman. Mafhum ayat tersebut adalah "*(kamukah yang lebih baik) atau adakah orang yang taat beribadat pada waktu malam dengan sujud dan berdiri kerana takut akan (azab) akhirat dan mengharapkan Rahmat Tuhannya? Katakanlah (kepadanya), Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya hanya orang yang berakal sempurna yang dapat menerima pengajaran dan peringatan*" (Abdullah Basmeih 2022).

Ibadah yang didirikan oleh Saidina Usman tersebut mendapat perakuan daripada Allah s.w.t. Allah yang menyatakan perbandingan, adakah golongan musyrik beranggapan mereka akan terlepas daripada kerugian di akhirat kelak dibandingkan dengan Saidina Usman yang sentiasa berharap kerahmatan Allah dengan amalan ibadahnya. Menurut Tafsir Imam Ibn-Kathir (1999) diriwayatkan oleh Ibnu Umar, Abu Ubaidah dan Asy'ai'r bahawa ayat tersebut ditujukan kepada Saidina Usman. Mereka menyatakan bahawa tatkala beliau menunaikan solat pada satu rakaat solat sahaja seolah-olah beliau membaca satu al-Quran.

#### ***I'tab Untuk Mencegah Daripada Mengikuti Tindakan Kufar Dan Munafik***

Di dalam Surah al-Mumtahanah (60:1) yang mafhumnya "*Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu menjadikan musuhku dan musuh-Mu sebagai teman rapat sehingga kamu menyampaikan kepada mereka (rahsia orang beriman) kerana hubungan baik antara kamu dengan mereka, padahal mereka telah ingkar kepada kebenaran (Islam) yang disampaikan kepadamu! Mereka telah mengusir Rasulullah dan kamu sendiri (dari tanah suci Mekah) kerana kamu beriman kepada Allah, Tuhanmu. (Janganlah kamu berbuat demikian) jika kamu benar-benar keluar untuk*

*berjihad pada jalan-Ku. (Tidak ada sebarang faedahnya) kamu mengadakan hubungan kasih mesra dengan mereka secara rahsia, sedangkan Aku lebih mengetahui apa-apa yang kamu sembunyikan dan apa-apa yang kamu zahirkan. Dan (ingatlah), sesiapa antara kamu yang melakukannya maka sesungguhnya dia telah tersesat dari jalan yang lurus”* (Abdullah Basmeih 2022). Ayat tersebut menggambarkan kepada umat Islam bahawa sahabat Nabi s.a.w Hatib Abi Baltaah dididik oleh al-Quran agar mengelak berkawan dan mengikuti perangai buruk golongan kufar yang mengkhianati dan munafik.

Menurut tafsir Imam Ibnu Kathir (1999) bahawa baginda telah mengarahkan beberapa orang sahabat Nabi untuk mencari seorang wanita di suatu kawasan dan meminta daripadanya sepucuk surat. Sahabat-sahabat tersebut menjumpai surat itu daripada wanita tersebut dan mereka memberikan surat tersebut kepada baginda Nabi s.a.w. Sebaik baginda membaca surat tersebut, baginda dapati Hatib telah membocorkan beberapa rahsia perancangan baginda dan memohon beberapa kawannya daripada golongan kufar untuk menjaga keluarganya di Mekah. Maka jelaslah bahawa berkawan dengan golongan bukan Islam yang mengkhianati dan memudaratkan umat Islam yang lain adalah satu amalan yang ditegah di sisi Islam. Namun sekiranya golongan bukan Islam yang tidak bermusuhan dengan Islam (*kafir zimmi, kafir mua'had dan kafir musta'man*) maka harus untuk bermuamalah dengan mereka.

### ***I'tab Untuk Tujuan Memberi Kesedaran***

Teguran Allah s.w.t. terhadap Saidina Abu Bakar as-Siddiq dalam Surah an-Nur (24:22) adalah untuk memberi kesedaran agar bersifat pemaaf dan tidak mudah memutuskan hubungan dengan kaum kerabat. Mafhum ayat tersebut “*Dan janganlah orang yang mempunyai harta dan kesenangan hidup antara kamu bersumpah bahawa mereka (tidak) mahu memberi (bantuan) kepada kerabat(nya), orang miskin dan orang yang berhijrah di jalan Allah. Dan hendaklah mereka memaafkan dan berlapang dada. Apakah kamu tidak suka bahawa Allah mengampuni kamu? Ingatlah Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih”* (Abullah Basmeih 2022).

Menurut Imam Ibnu Kathir (1999), ayat tersebut diturunkan khusus kepada Saidina Abu Bakar kerana beliau kecewa dan marah terhadap kerabatnya kerana mempercayai dan menyebarkan fitnah terhadap anak Saidina Abu Bakar yang berkhawat dengan seorang sahabat Nabi ketika dalam perjalanan pulang daripada peperangan. Saidina Abu Bakar berhasrat memberhentikan bantuan kepada kerabatnya namun Allah s.w.t. memberikan teguran kepada beliau agar kembali memberikan bantuan dan memaafkan kerabatnya.

### ***I'tab Interaksi Akal dan Jiwa***


Bentuk *i'tab* ini fokusnya adalah untuk sebahagian kecil sahabat Nabi yang masih hidup dalam kalangan masyarakat Yahudi namun mereka tetap teguh beriman kepada Allah. Hal ini boleh berlaku kerana keikhlasan mereka mendalami Islam sehinggakan Allah mengukuhkan kefahaman agama kepada mereka. Ayat al-Quran dalam Surah an-Nisa' (4:162) menceritakan mengenai *i'tab* interaksi akal dan emosi ini yang mafhumnya “*Namun, orang yang teguh serta mendalam ilmu pengetahuannya antara mereka dan orang yang beriman, mereka semua beriman dengan apa-apa yang telah diturunkan (al-Quran) kepadamu (Muhammad) dan dengan (kitab-kitab) yang diturunkan sebelumnya. Dan mereka itu orang yang mendirikan solat, menunaikan zakat serta beriman kepada Allah dan juga hari akhirat. Mereka itulah yang akan Kami berikan pahala (balasan) yang amat besar* (Abdullah Basmeih 2022).

Menurut Ibn Abbas dalam tafsir Imam Ibnu Kathir (1999) antara sahabat Nabi yang terkait dengan “*الراسخون في العلم*” ialah Abdullah Ibnu Salam, Sa'labah Ibnu Sa'yah, Asad Sa'yah dan Asad Ubaid. Allah s.w.t. memotivasikan mereka ini dengan menjanjikan mereka ini ganjaran yang besar. *I'tab* ini berbentuk memberi motivasi bertujuan untuk memperakui keimanan yang

ikhlas dan bersikap tetap teguh dengan tidak terkesan dengan maksiat yang dilakukan oleh golongan Yahudi. Maka ini salah satu bentuk *i'tab* yang harus dijadikan contoh yakni memberikan sentuhan rohani dan sentiasa memotivasikan agar *madu* sentiasa bersemangat dan kekal istiqamah.

Kerangka konseptual kajian ini berdasarkan teori Kelakuan Terancang (Ajzen 1991) dan Model berkaitan unsur manusia menurut al-Ghazali (Yatimah dan Mohd Tajudin 2008) untuk menjelaskan penerokaan *i'tab* GPI menggunakan kaedah *i'tab* al-Quran terhadap sahabat Nabi keseluruhannya atau wujud kaedah yang belum diaplikasikan lagi demi meningkatkan akhlak pelajar bahkan boleh terjadi kaedah yang digunakan oleh guru tidak dinyatakan dalam al-Quran tetapi ianya relevan.

Rajah 1: Gabungan Teori Kelakuan Terancang (Ajzen 1991) dan Model berkaitan manusia menurut al-Ghazali (Yatimah dan Mohd Tajudin 2008).



Berdasarkan teori kelakuan terancang, teori ini terdiri daripada tiga unsur antaranya sikap, norma subjektif dan tahu kawal kelakuan. Sikap pada teori ini adalah merujuk kepada penilaian menyeluruh kelakuan seseorang yakni sekiranya seorang guru inginkan *itab* yang tertentu untuk digunakan dalam tindakan meningkatkan akhlak pelajar maka guru tersebut akan cenderung lebih kearah kaedah yang diniatkan. Adapun norma subjektif pula adalah faktor luaran yang mempengaruhi terhadap keinginan tersebut. Sekiranya guru tersebut berniat untuk melempang seseorang pelajar yang melakukan kesalahan maka kemungkinan faktor rakan sekerja pernah bertindak perkara sama akan kuat mendominasi fikiran guru tersebut. Mengawal tingkah laku pula adalah situasi yang mana seseorang itu rasional sama ada mahu bertindak seperti yang diinginkan atau tidak bertindak dan membuat perubahan keinginan.

Manakala menurut al-Ghazali berkaitan unsur manusia pula terdapat dua aspek iaitu aspek dalaman yang melibatkan hati, akal dan jiwa. Manakala aspek luaran pula adalah tubuh fizikal dan pancaindera. Segala maklumat yang mempengaruhi aspek luaran akan diterima oleh pancaindera lalu disalurkan kepada aspek dalaman lalu aspek dalamanlah yang mencetuskan output positif atau negatif. Perkara yang sama jualah yang berlaku dalam situasi seorang guru dalam meningkatkan akhlak pelajar. Sekiranya kaedah *itab* yang sesuai menyapa seseorang guru tersebut maka kaedah *itab* tersebutlah yang akan mendominasi untuk digunakan sama ada ia positif yakni bersesuaian dengan pelajar tersebut atau pun sebaliknya.

Hasil gabungan teori dan model yang diketengahkan ini membolehkan pengkaji membina satu kerangka konseptual kajian yang bersesuaian dengan objektif dan persoalan kajian ini seperti

paparan dalam Rajah 1. Kerangka konseptual kajian ini menggambarkan kaedah *i'tab* GPI menurut asas *'itab* al-Quran terhadap sahabat nabi keseluruhannya sama ada yang pernah diaplikasi atau belum diaplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif iaitu kajian kes bagi mengetahui pendekatan sebenar GPI menjalankan *i'tab* terhadap pelajar dalam mengawal sahsiah mereka. Hal ini kerana menurut Stake (2006) hanya kajian kes sahaja yang membawa pengkaji kepada kajian yang merasai kes sebenar dan mengkaji dalam situasi yang sebenar. Pengkaji memilih responden GPI yang bertugas sebagai guru disiplin, warden dan terlibat dalam pembangunan sahsiah murid. Selain itu, kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan untuk menetapkan peserta kajian yang tepat. Hal ini kerana berdasarkan tujuan dan objektif yang diketengahkan oleh pengkaji, kaedah ini sangat sesuai menurut Cresswel (2009) kerana ianya mempunyai matlamat yang spesifik.

Pendekatan yang diambil adalah untuk menekankan ketepatan data yang dikumpul daripada peserta. Hal ini selari dengan dengan pandangan yang diutarakan oleh (Maykut dan Morehouse 2000). Kajian ini menggunakan kaedah temu bual secara mendalam. Data temubual dirakam dan disalin semula secara verbatim. Data verbatim dianalisis menggunakan bantuan perisian atlas.Ti (Ani Munirah 2017) dan diikuti oleh proses lanjutan iaitu memasuki bahagian pembinaan kod dan diakhiri dengan bahagian pemaparan data dalam bentuk atau jadual, jaringan, peta konsep, carta alir atau rajah bagi memudahkan pembaca untuk meneliti penemuan kajian yang diperoleh (Marzni et al. 2018). Kajian ini telah menggunakan tiga jenis pengkodan iaitu pengkodan umum (*open coding*), pengkodan kelompok (*axial coding*) dan pengkodan terpilih (*selective coding*).

Untuk meletakkan kod yang sesuai dan tepat, kaedah induktif atau deduktif turut diaplikasi. Kaedah induktif yang diaplikasi tatkala menganalisis data adalah menyaring kata kunci dalam transkrip yang mempunyai hubung kait dengan *i'tab*. Manakala kaedah deduktif pula diaplikasikan apabila dalam transkrip responden hanya memfokuskan beberapa istilah tanpa huraian untuk menjelaskannya. Kajian ini juga telah melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan dengan melalui tiga peringkat dalaman iaitu triangulasi data, semakan peserta kajian '*member check*' dan rakan pengkaji '*peer review*' dan pengkaji sebagai instrumen kajian dan pengalaman pengkaji. Manakala peringkat luaran pula adalah pengesahan pakar terhadap tema melalui *Cohen Kappa* yakni pengkaji dapatkan pengesahan daripada pakar bidang dakwah dan pakar dalam bidang kaunseling. Setelah dikira nilai persetujuan kedua-dua pakar, pengkaji telah memperoleh indeks pekali Cohen Kappa pada tahap 0.80 bagi tema Pengetahuan Guru Tentang *I'tab* Al-Quran Terhadap Sahabat Nabi s.a.w. Tahap 0.83 bagi tema Menyalurkan *I'tab* Terbeza Kepada Pelajar, tahap 0.83 bagi tema Pendekatan *At-Tarhib Wa Tarhib* dan tahap 0.78 bagi tema Amalan Pendekatan *I'tab* Alternatif

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Pengetahuan Guru Tentang *I'tab* Al-Quran Terhadap Sahabat Nabi SAW**

Sahabat-sahabat Nabi adalah individu atau kelompok yang sentiasa bersama dengan baginda Nabi s.a.w dan mendapat didikan secara langsung daripada Baginda. Namun terdapat ayat-ayat al-Quran yang meraikan kesilapan mereka untuk diambil pengajaran oleh umat Islam. Kedudukan yang tidak terlekat pada mereka keistimewaan maksum seperti baginda Nabi membuatkan umat Islam lebih terbuka untuk menjadikan mereka contoh. Maka jika diamati setiap butir kata-kata

dan pengalaman yang dialami oleh Ustaz Ali (bukan nama sebenar) dan Ustaz Syarif (bukan nama sebenar) didapati bahawa majoritinya teknik atau cara teguran al-Quran terhadap sahabat Nabi telah diaplikasikan secara tidak langsung. Namun mereka berdua tidak sedar akan bentuk-bentuk pendekatan tersebut.

Situasi ini dibuktikan dengan jawapan Ustaz Syarif yang mengeluarkan satu contoh sahaja daripada al-Quran iaitu:

*“...Yang saya tahu adalah ayat berkaitan dengan Allah Subhanahu Wa Taala menegur sahabat ketika Mana ada di kalangan beberapa sahabat yang solat dalam keadaan mabuk sehingga membaca surah al-kafirun dalam keadaan yang salah”*

US: 1:13

Manakala Ustaz Ali pula dengan pengalaman beliau mengajar subjek-subjek Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), beliau memberikan beberapa contoh *i'tab* berkaitan sahabat-sahabat Nabi namun kesemua contoh yang beliau berikan adalah contoh daripada hadis an-Nabawi bukan daripada ayat suci al-Quran melainkan satu contoh iaitu beliau berkata:

*“...Kisah Saidina Umar al-khattab dalam peperangan Badar, Ketika mana dalam peperangan tersebut umat Islam telah dapat menawan tawanan lalu Abu Bakar memberikan cadangan supaya tawanan tersebut bagi mereka yang mempunyai harta boleh membuat tebusan dan bagi mereka yang mempunyai kemahiran mereka boleh mengajar ataupun memberikan perkhidmatan mengajar anak umat islam seramai 10 orang. namun Saidina Umar al-khattab menegaskan supaya tawanan tersebut dibunuh sahaja kerana mereka adalah musuh Allah maka dengan santunnya baginda nabi sallallahu alaihi wasallam baginda menerima cadangan Saidina Abu Bakar as-siddiq. Beberapa ketika selepas itu turunlah ayat yang menyiarkan cadangan Saidina Umar”.*

UA: 2:15

Berdasarkan contoh yang diberikan oleh Ustaz Syarif, ianya adalah pendekatan *i'tab* untuk memberikan pendidikan dan menjelaskan kesalahan. Manakala contoh yang diberikan oleh Ustaz Ali pula adalah *i'tab* untuk memberikan dorongan dan sokongan. Pengkaji menegaskan bahawa walaupun responden hanya mampu memberikan dua contoh tersebut, ini tidak bermakna mereka tidak mengamalkan bentuk-bentuk *i'tab* al-Quran terhadap sahabat yang lain bahkan mereka sudah mengamalkannya namun tidak jelas akan nama-nama bentuknya sahaja.

### **Menyalurkan *I'tab* Terbeza Kepada Pelajar**

Menyampaikan teguran dengan cara yang sesuai bagi setiap individu adalah kaedah yang berkesan. Hal ini kerana setiap individu mempunyai tahap kognitif dan emosi yang berbeza. Kaedah *i'tab* yang dipilih dengan tepat mampu memberikan sentuhan jiwa lantas terkesan untuk berubah. Perkara ini selari dengan apa yang disebutkan oleh Ustaz Ali seperti berikut:

*“...Kita melayan pelajar dan mendidik pelajar mengikut tahap pelajar namun tidaklah sampai mengadai etika”*

UA: 2:18

Kenyataan yang dinyatakan oleh Ustaz Ali tersebut senada dengan hasrat responden pertama dalam kalangan pelajar di sekolah pertama. Dia menyatakan hasratnya seperti berikut:

*“...Bagi pandangan saya sebagai seorang murid, kalau contoh la dia ada buat salah ke kan, Cikgu tu kena tegur ikut macam mana budak tu yang boleh ambillah. Sebab ada certain murid yang dia tak boleh terima kalau guru tu keras sangat ataupun*

*cikgu tu melampau sangat. Ada certain cikgu tu kan kalau dia nak tegur kan macam, "Kenapa awak pergi sekolah? baik awak tak payah pergi sekolah!". Niat cikgu tu baik, nak bagi semangat nak mengatakan yang kita ni boleh buat, dan ada pelajar boleh terima. Tapi ada certain murid, dia tak boleh terima itu sebagai teguran. Maka budak tu akan jadi lebih down".*

R1SSMJ: 1:3

Selain daripada aspek teguran, aspek akademik juga guru seharusnya bijak menyesuaikan pendekatan dalam menyampaikan ilmu dan tidak menganggap semua pelajar mampu mempelajari segala input yang diberikan. Hal ini dibuktikan apabila terdapat rungutan daripada responden kedua dalam kalangan pelajar di sekolah pertama yang menyatakan:

*"... Contohnya macam cikgu tu dia ajar, tapi dia ajar ikut style dia. Dia ajar macam laju kan, pastu budak-budak tak dapat nak tangkap lah. Macam semua orang tak boleh ikut cara cikgu tu ajar. Anggap pelajar tu macam kosonglah".*

R2MJ: 1:6

### **Pendekatan At-Targhib Wa Tarhib**

Pendekatan *at-Targhib* adalah menggalakkan perlakuan baik dan pendekatan *at-Tarhib* pula adalah menegah perlakuan yang tidak baik. Kaedah ini sering digunakan oleh Ustaz Syarif dalam menyampaikan *i'tab* kepada pelajar. Hal ini boleh diperhatikan dalam jawapan beliau seperti berikut:

*"... Saya kerap menggunakan teknik menggalakkan pelajar dan menyokong sesuatu tindakan pelajar. Ini digunakan kerana kebanyakan pelajar tidak hafal ayat-ayat hafazan khususnya kepada pelajar tingkatan lima lah maka pendekatan yang diambil adalah mengkhususkan waktu selepas solat fardhu maghrib adalah waktu untuk menghafal ayat-ayat hafazan untuk ini dalam satu galakan dan dorongan kepada pelajar Bahkan pelajar tingkatan satu dua dan tiga juga sedang dipantau dengan lebih teliti untuk ayat-ayat hafazan mereka"*

US: 1:15

Bentuk pendekatan ini adalah memberikan dorongan dan sokongan terhadap pelajar. Galakan melakukan kebaikan harus diuar-uarkan di hadapan khalayak ramai untuk tujuan memberikan inspirasi kepada yang lain. Namun menegah kemungkaran atau *i'tab* kemungkaran yang melibatkan individu seharusnya dilaksanakan secara individu ataupun secara rahsia sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh Ustaz Syarif dengan membuat pengakuan seperti berikut:

*"... Pendekatan yang mungkin boleh saya ketengahkan ialah sepertimana di asrama apabila Ada sesuatu isu saya akan panggil seorang-seorang lah secara individu. kita akan beritahu kepada dia secara baiklah dan kita akan beritahu kepada dia apa yang dia buat ini sama ada baik betul ataupun salah"*

US: 1:6

Selain itu juga, responden ketiga dalam kalangan pelajar di sekolah pertama meluahkan perkara yang sama dengan ayatnya berbunyi:

*"... Kalau pelajar yang lemahkan kita tak boleh spesifikkan macam ni, macam ni.. tapi dihadapan ramai-ramai juga. Sebab tidakan macam tu boleh membuatkan pelajar itu fikir "cikgu tak suka aku.." "cikgu anggap aku lemah". Dia nak tunjukkan potensi dia pun takut".*

R3MJ: 1:8



Perkara yang lebih mengejutkan adalah apabila terdapat juga luahan daripada responden dalam kalangan pelajar yang bukan sahaja wujud pelajar yang diberikan i'tab di hadapan rakan-rakan bahkan terdapat juga segelintir guru yang mencanang cerita buruk pelajar bahkan mengherdik pelajar tersebut.

*"...Cikgu tu tegur dalam keadaan yang ramai, Dia macam perli-perli saya. Kalau tegur secara terbuka buakan dia down, tak ada semangat".*

R1MJ: 1:4

*"...Saya kalau cikgu nak menegur seseorang pelajar itu biarlah personal, individu. Kenapa pelajar tak suka ditegur di hadapan khalayak ramai meskipun teguran itu memberi manfaat kepada yang lain?sebab, kita tak tahu keadaan pelajar tersebut. Tak semua orang sama kemungkinan ada yang ada masalah seperti stress dan anxiety. Jadi khuatiri kalau ada keadaan yang menekan boleh jadi pelajar itu akan membunuh diri. Pada saya kalau tegur biarlah secara personal tapi tegas. Biar orang lain tak tahu antara kita dengan cikgu je yang tahu, ini lebih berkesan".*

R2SSMJ: 1:5

*"...Cikgu Kalau nak tegur Itu memang hak cikgu tiada masalah tapi saya Contohnya kalau cikgu nak tegur saya Saya ada masalah dengan cikgu itu tiba-tiba satu sekolah semua tahu. Bila jumpa dengan Cikgu lain cikgu lain semua nak menganjing anjing saya, saya tak sukalah"*

R3SSMJ: 1:7

### **Amalan Pendekatan I'tab Alternatif**

Pengkaji juga dapat menyungkil beberapa *'itab* alternatif yang klise namun ia masih relevan dan perlu diberikan perhatian oleh semua guru khususnya GPI merangkap warden.

Antara yang disebutkan oleh Ustaz Ali dan Ustaz Syarif adalah seperti berikut:

1. Program mentor-mantee: Mencampurkan pelajar-pelajar yang mempunyai sahsiah yang unggul dengan pelajar-pelajar yang mempunyai sahsiah yang sederhana atau lemah.  
*"...Pailang masuk dalam group budak-budak baik, maka riverse thinking memainkan peranan. Maka akan diterangkan one-by -one kenapa perlu dia dalam tu. Rivers action. Maka daripada ketua samsing jadikan ketua pengawas. Cakap baik-baik. Santuni dengan baik. Banyakkan berkorban. Bawa makan"*

UA: 2:10

2. Memberikan taklimat disiplin dengan kerap kepada pelajar.  
*"...Pendekatan yang digunakan oleh Maahad ketika mana awal kemasukan sekolah atau pun kemasukan asrama adalah taklimat disiplin menjelaskan peraturan sekolah. Contoh mudah yang boleh digambarkan ialah apabila pelajar membawa ataupun memakai barang kemas hal ini bagi mengelakkan kehilangan ataupun menuduh pihak yang ketiga mencuri lebih sadis lagi adalah pihak sekolah"*

UA: 2:11

3. Musyawarah dan toleransi dalam menghukum.  
*"...Kita melayan pelajar dan mendidik pelajar mengikut tahap pelajar namun Tidaklah sampai menggadai etika kita sebagai guru ataupun menggadaikan segala harta yang kita ada. Iaitu kita mendekati pelajar mengikut kesesuaian pelajar itu"*

*Namun dalam menggauli mereka seakan seperti kawan hendaklah mereka mengetahui batas antara pelajar dan guru”*

UA: 2:12

4. Memisahkan tugas guru disiplin dan guru kaunseling.  
*“...Guru kaunseling dan guru disiplin tidak boleh orang yang sama kerana guru disiplin adalah menegakkan undang-undang umpama polis mencari kesalahan Adapun guru kaunseling adalah guru yang sentiasa mendekati meraikan umpama hak dengan batin tak boleh dicampurkan”*

UA: 2:13

5. Menjalankan hukuman yang membina nilai kepada diri dan sekeliling seperti khidmat masyarakat.  
*“...Rotan pernah lebih kurang kami dua sahajalah namun antara perkara yang menarik ialah Kami juga menggunakan agenda hikmat masyarakat ada ni kami lihat dia angkat lebih berkesan lah kepada pelajar”*

US: 1:17

6. Gabung jalin peraturan-peraturan yang terdapat di sekolah dengan keperluan psikologi.  
*“...Kita menggabungkan peraturan-peraturan yang terdapat di sekolah dengan Psikologi nya kaunselingnya Pengisian kerohaniannya, konsep guru dengan murid anggap sebagai kawan, sepertimana kaum daripada sahabat ataupun Rasulullah s.a.w. menyatakan bahawa apabila anak itu telah mencapai umur 17 tahun dan ke atas maka gaulilah mereka seperti kawan”*

UA: 2:14

## **PENUTUP**

Berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan yang telah dikupas, pendekatan *i'tab* yang telah dijalankan oleh GPI adalah selari dengan pendekatan *'itab* al-Quran terhadap sahabat-sahabat Nabi namun guru-guru didapati tidak mengetahui bentuk-bentuk *i'tab* khas menurut perspektif Islam. Antara bentuk-bentuk khas *i'tab* GPI yang kerap diaplikasikan ialah *i'tab* untuk memberikan dorongan dan sokongan. Selain itu, antara *i'tab* yang terpendil namun ianya sangat relevan ialah menjalankan hukuman yang membina nilai kepada diri dan sekeliling seperti khidmat masyarakat.

Kajian ini turut memberi tiga implikasi kepada nilai ilmu, akademik, psikologi dan pengurusan. Kupasan implikasi tersebut pertamanya tawaran kaedah didikan qurani kepada para pendidik. Usaha yang dilakukan oleh pengkaji dengan meneliti sebahagian besar ayat-ayat suci al-Quran yang berkaitan dengan *i'tab* al-Quran terhadap sahabat Nabi adalah satu usaha gigih untuk menawarkan bentuk-bentuk khas *i'tab* yang mampu menjentik hati-hati pelajar. Pendekatan yang telah digunakan oleh para guru terkini jelas sudah baik namun ianya mampu disempurnakan dengan digandingkan elemen quran agar ianya mengundang berkat dan terbukti ianya berkesan.

Keduanya, menambah baik amalan pengurusan disiplin pelajar. Bagi melestarikan hasrat melahirkan pelajar yang mempunyai sahsiah unggul maka pelbagai pihak harus berganding bahu. Namun tindakan memecahkan peranan kepada pelbagai pihak dan tunjang utamanya adalah pengetua perlu dikukuhkan dengan panduan amalan *i'tab* al-Quran terhadap sahabat Nabi ini. Hal ini bagi memastikan setiap agihan peranan kepada pihak tertentu jelas dan tidak tersasar

walaupun mempunyai pelbagai alternatif yang terkini. Ketiganya, menyeimbangkan pendekatan *i'tab* yang digunakan dalam kalangan guru. Pengkaji telah menyebutkan bahawa setiap guru mempunyai latar belakang yang berbeza dalam kehidupan mereka. Terdapat guru yang dididik dalam suasana sentiasa tegas dan terdapat juga guru yang dididik dalam suasana sentiasa berlembut sahaja maka kedua-dua kelompok ini jika tidak diseimbangkan maka akan lahir perbezaan dalam mengeluarkan produk insani.

Dengan adanya tawaran kajian ini ianya mampu menyeragamkan pendekatan para guru dalam memberikan *i'tab* dan yang pasti ianya dijamin bahawa guru-guru terlindung daripada ancaman pendakwaan daripada pelbagai pihak. Akhir sekali, dicadangkan agar kajian ini dikurikulumkan sama ada inputnya diselitkan dalam kurikulum subjek Pendidikan Islam atau ianya boleh dijadikan rujukan kepada pihak berautoriti untuk memprogramkan hasil analisis ayat-ayat al-Quran yang melibatkan *i'tab* al-Quran terhadap sahabat nabi buat para guru. Selain itu, buat pengkaji-pengkaji seterusnya dicadangkan agar menggunakan kaedah analisis *itab* al-Quran terhadap sahabat nabi untuk diadaptasikan kepada pelajar-pelajar sekolah yang majoritinya bukan Islam untuk melihat implikasinya.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abdullah Basmeih. (2022). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Qur'an*. Cet. Pertama. Kuala Lumpur. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Ani Munirah Mohamad, Norhana Shaibatul Khadri & Nur Najihah Osman. (2017). *ATLAS.ti ganti kaedah penyelidikan*. Sinar Harian, di akses daripada <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/58718/1/ATLAS.ti%20ganti%20kaedah%20penyelidikan.pdf> pada 11 April 2023

Ajzen, I. (1991). *The theory of planned behavior*. Organizational Behavior and Human Decision Processes, 179-211.

Creswell, J. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*, California, SAGE Publications, Inc.

Ibnu Kathir. (1999). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, Darul Kutub Ilmiah, Beirut.

James P. Spradley (1980). *Participant Observation*, Review by Nicola Tannenbaum, Anthropological Quarterly Vol 53 (4): 260-261.

Louwís Ma'luf. (2002). *Al-Munjid fi al-Lughat wa al-A'lam*. Beirut: Dar a-Masyriq.

Muhammad 'Ali al-Shawkani. (1997). *Irshad al-Fuhul Ila Tahqiq al-Haqq min 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 380.

Marzni, Mokhtar, Rohizani, Yaakub, Fadzilah, Amzah, & Marni Jamil. (2018). *Analisis tematik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PDPC) proses penulisan karangan argumentative berasaskan KBA: pemahaman dan amalan pedagogi guru bahasa Melayu tingkatan empat*. Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan (MEDC), 69-84.

Maykut P. & Morehouse, R. (2000). *Beginning qualitative research: A philosophic and practical guide*. London: The Falmer Press.

Muhammad Ismail al-Bukhari. (1311). *Sahih al-Bukhari*, Sultaniah: Bulaq, Jilid 8, 89, No 6429.

Muhammad Tajuddin. (2022). *Penafsiran Al-Qurthubi Terhadap Kesucian Nabi Muhammad*. Jurnal Ushuluddin Vol 24 (1), 18-25.

Munawwir, Warson. (2002). *Kamus Al-Munawwir Arab-Indonesia Terlengkap*, Surabaya: Pustaka Progresif.

- Noorazma Hamzah, Faizal A. Ghani Norfariza Radzi & Misyati Amat Sehab. (2018). *Reka Bentuk Profil Amalan Terbaik Pengurusan Disiplin Murid*. Jurnal Kepimpinan Pendidikan. Januari Vol 5(1), 33-36.
- Pogue, L.L., & Ahyun, K. (2006). *The Effect of Teacher Nonverbal Immediacy and Credibility on Student Motivation and Affective Learning*. Communication Education, 55, 331 - 344.
- Stake, R.E. (2006) *Multiple case study analysis*. New York. The Guilford Press.
- Sriwahyuni (2017). *Kemaksuman Nabi: Kajian Terhadap Ayat-Ayat 'Itâb Terhadap Nabi Muhammad SAW*. Jurnal At-Tibyan Vol 2(2), 189-197
- Teven, J. J. (2007). *Teacher Caring and Classroom Behavior: Relationships with Student Affect and Perceptions of Teacher Competence and Trustworthiness*. Communication Quarterly, 55, 433-450.
- Tsalitsa Noor Kamila. (2019). *'Itâb (Teguran) Kepada Rasulullah Saw Dalam Al-Qur'an (Telaah Kitab Tafsîr Al-Qur'ân Al-'Azhîm)*. Jurnal Studi Ilmu Al Quran Dan Tafsir. Vol 3 (1), 76-79.
- Yatimah Sarmani & Mohd Tajudin Ninggal. (2008). *Teori Kaunseling Al Ghazali*. Selangor: PTS Publications and Distributors Sdn Bhd.